



PARAH...Fazli dihantar ke PPUM untuk mendapatkan rawatan selepas dirempuh motosikal.

Parah HM 15/11/06 dirempuh motosikal

Siswa melambung, tercampak ketika cuba bantu rakan nahas

>>Oleh Nazarali Saeril

nazarali@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Fazli sedang berlari melintas jalan untuk melihat kecederaan saya apabila dia tiba-tiba dirempuh sebuah motosikal menyebabkannya melambung dan tercampak kira-kira lima meter.

"Sejurus kemudian, saya lihat darah mengalir dari bahagian belakang kepala serta mulutnya manakala daging di bahagian kaki kirinya sedikit terkeluar," kata Firdaus Ku Yakob, 22, menceritakan kemalangan menimpa rakannya, Fazli Rashid, 22, di sini, malam tadi.

Sebelum itu, motosikal ditunggang Firdaus terbabit dalam kemalangan dengan sebuah teksi di persimpangan Jalan Pantai Baru, di sini kira-kira pada jam 10 malam menyebabkannya luka di beberapa bahagian tubuh.

Firdaus kemudian menghubungi Fazli, penuntut di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang juga sahabat karibnya bagi memaklumkan kejadian itu.

"Fazli sampai di tempat kemalangan tidak lama kemudian bersama kakaknya dan saya li-

hat dia cuba melintas dari se-berang jalan.

"Ketika melintas, tiba-tiba dia dirempuh sebuah motosikal. Kejadian berlaku sekelip mata dan saya sempat menghampirinya selepas itu dan mendapati dia cedera parah," katanya.

Firdaus yang bertugas di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, kemudian meminta bantuan orang ramai supaya merawat Fazli kerana keadaan mangsa lebih teruk daripada yang dialaminya.

Menurut Firdaus, dalam kemalangan membabitkan dirinya, dia sedang menunggang motosikal apabila sebuah teksi tiba-tiba membelok ke arah persimpangan Jalan Pantai Baru mengakibatkan kedua-dua kenderaan berkenaan bertembung.

Difahamkan, teksi berkenaan tiba-tiba membelok selepas tersalah jalan untuk menghantar dua penumpang ke Bukit Angkasa.

Pemandu teksi terbabit tidak mengalami sebarang kecederaan dan kemudian membuat laporan di Balai Polis Trafik Jalan Bandar manakala kedua-dua mangsa dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk rawatan.